



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

**UNDANG-UNDANG KECIL
PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN
PERINDUSTRIAN**

(MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI) 1995

K. P.U. 9.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN
DAN PERINDUSTRIAN
(MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI) 1995

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-undang Kecil

1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Lesen.
4. Permohonan untuk mendapatkan lesen.
5. Bentuk lesen.
6. Sahnya lesen.
7. Pindahmilik lesen.
8. Kebersihan.
9. Mengadakan tong sampah.
10. Sampah pepejal basah.
11. Pembuangan.
12. Menumpahkan bahan mengganggu.
13. Bekalan air.
14. Tandas pam dan tempat buang air kecil.
15. Pencahayaan.
16. Ganti udara.
17. Bersesak-sesak tidak dibenarkan.
18. Peruntukan bilik mes, dsb.
19. Pencegahan.
20. Bahan-bahan mudah terbakar.
21. Storan.
22. Pembakaran.
23. Penyebaran habuk, dsb.
24. Bising.
25. Waktu menjalankan perniagaan dsb.
26. Kuasa untuk memeriksa.
27. Mempamerkan lesen.
28. Penalti.
29. Kompaun.

JADUAL.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN
DAN PERINDUSTRIAN

(MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI) 1995

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Sungai Petani dengan ini membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan Undang-undang Kecil yang berikut:

1. (1) Undang-undang Kecil ini boleh dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Sungai Petani) 1995** dan hendaklah dipakai bagi kawasan Majlis Perbandaran Sungai Petani sahaja. Nama, penakatan dan mula berkuatkuasa.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“industri” ertinya apa-apa perniagaan, tred, perusahaan, pengilangan atau pekerjaan majikan dan termasuk apa-apa pekerjaan, perkhidmatan, pengajian, pertukangan tangan atau pekerjaan industri atau vokasion pekerja dan termasuk perusahaan di rumah dan kilang-kilang;

“lesen” ertinya apa-apa lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil ini mengenai apa-apa tred, perniagaan dan perindustrian dari jenis yang memudaratkan atau yang boleh menjadi punca kacau-ganggu kepada orang awam atau sesuatu kelas orang awam seperti yang dinyatakan dalam Jadual;

“pemegang lesen” ertinya orang yang kepadanya dikeluarkan lesen di bawah Undang-undang Kecil ini;

“perniagaan” termasuklah apa-apa bentuk tred, perdagangan, pekerjaan tangan, kepandaian, profesyen atau aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan bagi maksud keuntungan;

“premis” termasuklah mesuaj, rumah, bangunan, tanah, tenemen dan hereditamen dari apa-apa pemegang, sama ada terbuka atau terkepong, sama ada dibina atasnya atau tidak, sama ada awam atau persendirian dan sama ada disenggara atau tidak oleh pihak berkuasa tempatan;

“tred” ertinya apa-apa jenis aktiviti perdagangan yang dinyatakan dalam Jadual.

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sungai Petani dan termasuklah Setiausaha.

- Lesen. 3. Tiada seseorangpun boleh menggunakan sesuatu tempat atau premis dalam Majlis Perbandaran Sungai Petani bagi apa-apa tred, perniagaan dan perindustrian yang dinyatakan dalam Jadual tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua dan bayaran lesennya adalah seperti ditetapkan dalam Jadual kepada Undang-undang Kecil ini:
- Dengan syarat bahawa Majlis Perbandaran Sungai Petani boleh dengan budibicaranya yang mutlak mengurangkan bayaran lesen mana-mana premis tersebut dengan tidak lebih dari setengah kadar yang telah ditetapkan untuk tred, perniagaan dan perindustrian yang berkenaan jika difikirkannya patut.
- Permohonan untuk mendapatkan lesen. 4. (1) Tiap-tiap permohonan untuk mendapatkan lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Yang Dipertua dalam borang yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.
- (2) Yang Dipertua boleh menghendaki mana-mana permohonan untuk atau pembaharuan lesen supaya hadir sendiri atau bagi sesuatu perbadanan atau firma, seorang wakil yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut supaya hadir, semasa lesen dikeluarkan atau dibaharui.
- Bentuk lesen. 5. Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Yang Dipertua dari masa ke semasa.
- Sahnya lesen. 6. Sesuatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuatkuasa sehingga 31 Disember, berikutan tarikh kuatkuasa dan hendaklah dibaharui pada atau sebelum tarikh tamat tempoh lesen itu.
- Pindahmilik lesen. 7. (1) Sepanjang tempoh sahnya sesuatu lesen Yang Dipertua boleh, atas permohonan pemegangnya, membenarkan lesen itu dipindah milik kepada orang lain.
- (2) Bayaran pindahmilik ialah dua puluh peratus daripada bayaran lesen dalam Jadual.
- Kebersihan. 8. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menjaga dan menyelenggara tempat atau premis berlesennya supaya berada dalam keadaan bersih.
- Mengadakan tong sampah. 9. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mengadakan tong sampah atau bekas sampah yang cukup sebagaimana perlu untuk menyimpan sampah.
- Sampah pepejal basah. 10. Semua sampah sarap hendaklah dibubuh dalam karung plastik atau lain-lain bekas sampah yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah atau bekas sampah.
- Pembuangan. 11. Semua sampah sarap dalam tong sampah atau bekas sampah hendaklah dibuang mengikut cara sebagaimana diarahkan oleh Yang Dipertua dari masa ke semasa.

12. Tiada seorang pun pemegang lesen boleh menyebabkan atau membenarkan darah, air masin, cecair kotor atau lain-lain bahan mengganggu dilonggokkan, ditumpahkan atau diselenggarakan ke dalam longgang atau lain-lain tempat awam atau persendirian. Menumpahkan bahan mengganggu.
13. Di tempat atau premis berlesen itu hendaklah ada bekalan air dari paip yang disambungkan ke sesalur air dari bekalan air awam. Bekalan air.
14. Pemegang lesen hendaklah mengadakan dan menyelenggarakan dalam keadaan baik bilik mandi, tandas pam, tempat buang air kecil dan besen cuci tangan yang cukup bilangannya hingga memuaskan hati Yang Dipertua. Tandas pam dan tempat buang air kecil.
15. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah untuk memastikan bahawa pencahayaan yang mencukupi diadakan hingga memuaskan hati Yang Dipertua dan jika pencahayaan asli tidak mencukupi, langkah-langkah hendaklah diambil untuk mengadakan pencahayaan buatan. Pencahayaan.
16. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah untuk memastikan terdapatnya peredaran udara yang mencukupi di tempat dan premis berlesen itu hingga memuaskan hati Yang Dipertua dan hendaklah menyebabkan tiap-tiap cara peredaran udara itu dijaga dalam keadaan baik dan keadaan boleh digunakan dengan efisiennya. Ganti udara.
17. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah yang cukup untuk memastikan yang keadaan bersesak-sesak tidak berlaku. Bersesak-sesak tidak dibenarkan.
18. Yang Dipertua boleh dengan notis bertulis menghendaki mana-mana pemegang lesen supaya menyediakan bagi pekerja-pekerjanya kemudahan-kemudahan yang sesuai dan yang secukupnya seperti bilik mes, bilik rehat, kantin, bilik salin pakaian dan gerobok dan memperbaikinya jika Yang Dipertua berpendapat kemudahan-kemudahan yang ada itu tidak cukup. Peruntukan bilik mes dsb.
19. Pemegang lesen hendaklah memastikan— Pencegahan.
- (a) bahawa kelengkapan menentang kebakaran yang mencukupi dipasang hingga memuaskan hati Yang Dipertua;
 - (b) bahawa tangga dan jalan keluar yang mencukupi disediakan dan disenggarakan; dan
 - (c) bahawa semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar bebas dari segala halangan dan tiap-tiap pintu di dalamnya dibina dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan senang.
20. (1) Simen atau larutan yang mudah terbakar hendaklah disimpan dalam bekas bertudung tutup sendiri yang reka bentuknya telah mendapat kelulusan. Bahan-bahan mudah terbakar.

(2) Jika pelarut, larutan atau simen yang mempunyai takat kilat di bawah 73F disimpan dalam kuantiti yang lebih daripada 10 gelen, stor yang tidak mudah terbakar hendaklah dibina mengikut kehendak Yang Dipertua.

- Storan. 21. Semua bahan hendaklah distor mengikut cara dan keadaan yang dapat mencegah keluaran bahan-bahan berbahaya dan mengganggu darinya.
- Pembakaran. 22. Pemegang lesen tidak boleh membakar atau menyebabkan dibakar bahan-bahan pembakar atau sampah sarap melainkan mengikut cara dan di tempat yang diluluskan oleh Yang Dipertua.
- Penyebaran habuk, dsb. 23. Pemegang lesen tidak boleh menyebabkan, membiarkan, membenarkan atau mengizinkan penyebaran apa-apa kuantiti habuk, wap asap, wap, haba gas, pancaran, bau, hiduan, getaran, asap atau jelaga daripada tempat atau premis berlesen berlesenannya yang pada pendapat Yang Dipertua adalah suatu kacauganggu atau yang mencemarkan udara.
- Bising. 24. Pemegang lesen semasa menjalankan trednya tidak boleh membuat atau menyebabkan bising yang merupakan kacauganggu.
- Waktu menjalankan perniagaan dsb. 25. Yang Dipertua boleh mengarahkan bahawa sesuatu tred, perniagaan dan perindustrian tidak dibenarkan dijalankan di suatu tempat atau premis berlesen melainkan pada masa dan jam yang ditetapkan atau dikenakan oleh Yang Dipertua dan pemegang lesen hendaklah mematuhi mana-mana arahan itu.
- Kuasa untuk memeriksa. 26. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan sepenuh olehnya boleh—
- (a) memasuki atau memeriksa mana-mana tempat atau premis yang digunakannya atau Yang Dipertua atau pegawai tersebut percaya dengan munasabahnya digunakan bagi maksud tred, perniagaan atau perindustrian yang mana lesen adalah dikehendaki di bawah Undang-undang Kecil ini;
- (b) meminta daripada pemegang lesen tred, perniagaan atau perindustrian apa-apa maklumat berkenaan dengan pengurusan tred, perniagaan atau perindustrian itu dan pemegang lesen atau pekerjanya hendaklah memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki daripadanya.
27. Seseorang pemegang lesen hendaklah—
- Mempamerkan lesen. (a) pada setiap masa mempamerkan lesennya di bahagian yang mudah dilihat di premisnya; dan
- (b) menunjukkan lesen itu apabila diminta oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa sepenuhnya oleh Yang Dipertua untuk berbuat demikian.

28. Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit dan denda tambahan tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Penalti.

29. Yang Dipertua boleh mengikut budibicaranya mengkompaun apa jua kesalahan terhadap Undang-undang Kecil ini dengan mengutip dari orang yang melakukan kesalahan itu sejumlah wang yang tidak lebih daripada tiga ratus ringgit.

Kompaun.

JADUAL

<i>Bil</i>	<i>Jenis Lesen</i>	<i>Kadar Bayaran RM</i>
1.	Akuarium	120.00
2.	Menjual secara borong, menjual secara runcit atau menyimpan hasil ofal; lemak darah atau tulang-tulang	120.00
3.	Kedai Basikal:	
	(i) Mengilang	240.00
	(ii) Memasang, membaiki atau menjual secara borong:	
	(a) luas lantai sehingga 46 meter persegi	150.00
	(b) luas lantai melebihi daripada 47 meter persegi	200.00
4.	Menjalankan tred tukang besi	200.00
5.	Menjalankan tred tukang ayan	200.00
6.	Menyembur selulos	300.00
7.	Mengumpul, menjual secara runcit atau menyimpan bahan bangunan, kotak-kotak, botol-botol, tin-tin, tong drum, karung guni, bulu burung, kertas surat khabar buruk atau barang-barang lusuh	400.00
8.	Membuat kusyen, membuat pakaian, menjual hiasan rumah, kedai permaidani, mainan atau bunga plastik:	
	(a) luas lantai sehingga 46 meter persegi	160.00

<i>Bil</i>	<i>Jenis Lesen</i>	<i>Kadar Bayaran RM</i>
	(b) luas lantai di antara 46 meter persegi hingga 139 meter persegi	250.00
	(c) luas lantai melebihi 139 meter persegi	400.00
9.	Menjalankan tred membaiki, mengecat kereta-kereta motor, traktor, forklif, mesin berat atau automobil	360.00
10.	Membina badan kereta-kereta motor	600.00
11.	Mencelup atau mencetak batik/fabrik	300.00
12.	Arang kayu, arang batu, kayu bahan api, atap, rumput kering, jerami atau bahan-bahan bahaya lain yang mudah terbakar:	
	(a) membuat	480.00
	(b) Menjual secara borong, menjual secara runcit atau menyimpan	240.00
13.	Setor/Kedai dadah atau kedai ubat/ahli kimia:	
	(a) luas lantai sehingga 32 meter persegi	150.00
	(b) luas lantai di antara 32 meter persegi hingga 65 meter persegi	250.00
	(c) luas lantai di antara 66 meter persegi hingga 139 meter persegi	350.00
	(d) luas lantai melebihi 139 meter persegi	500.00
14.	Gedung, emporium, pakaian siap, tekstil dagangan am:	
	(a) luas lantai sehingga 46 meter persegi	100.00
	(b) luas lantai di antara 46 meter persegi hingga 69 meter persegi	250.00
	(c) luas lantai di antara 69 meter persegi hingga 92 meter persegi	350.00
	(d) luas lantai di antara 92 meter persegi hingga 185 meter persegi	500.00

<i>Bil</i>	<i>Jenis Lesen</i>	<i>Kadar Bayaran RM</i>
	(e) luas lantai di antara 186 meter persegi hingga 278 meter persegi	800.00
	(f) luas lantai melebihi 278 meter persegi	1,000.00
15.	Sekolah tarian/muzik/peragaan/seni	300.00
16.	Kerja sadur elektrik	300.00
17.	Kedai empat-nombor ekor	1,000.00
18.	Kedai elektrik dan elektronik:	
	(a) luas lantai sehingga 69 meter persegi	200.00
	(b) luas lantai di antara 69 meter persegi hingga 139 meter persegi	300.00
	(c) luas lantai di antara 139 meter persegi hingga 278 meter persegi	500.00
	(d) luas lantai melebihi 278 meter persegi	700.00
19.	Kerja kejuruteraan, elektrik dan kejenteraan:	
	(a) luas lantai sehingga 278 meter persegi	300.00
	(b) luas lantai melebihi 278 meter persegi	600.00
20.	Ajensi pekerjaan, ajensi pelancongan, ajensi teman sosial:	
	(a) luas lantai sehingga 69 meter persegi	250.00
	(b) luas lantai melebihi 69 meter persegi	350.00
21.	Kedai menjual bunga dan pasu	120.00
22.	Kerja bengkel:	
	(a) luas lantai sehingga 278 meter persegi	300.00
	(b) luas lantai melebihi 278 meter persegi	600.00
23.	Kedai fesyen/butik	250.00
24.	Garaj	300.00

<i>Bil</i>	<i>Jenis Lesen</i>	<i>Kadar Bayaran RM</i>
25.	Mencanai kaca, membuat cermin dan barang-barang kaca:	
	(a) luas lantai sehingga 139 meter persegi	250.00
	(b) luas lantai melebihi 139 meter persegi	500.00
26.	Memotong kaca/membingkai gambar:	
	(a) luas lantai sehingga 46 meter persegi	160.00
	(b) luas lantai melebihi 46 meter persegi	300.00
27.	Gudang:	
	(a) luas lantai sehingga 139 meter persegi	200.00
	(b) luas lantai di antara 139 meter persegi sehingga 278 meter persegi	300.00
	(c) luas lantai melebihi 278 meter persegi	500.00
28.	Sewa barang-barang rumah	200.00
29.	Kedai besi atau barang logam:	
	(a) luas lantai sehingga 139 meter persegi	300.00
	(b) luas lantai di antara 139 meter persegi hingga 278 meter persegi	500.00
	(c) luas lantai melebihi 278 meter persegi	700.00
30.	Pemasangan, penyaman udara di kereta	400.00
31.	Kilang mengait/menenun, membuat fabrik tekstil, kilang pakaian dan membuat barang-barang dari tekstil:	
	(a) luas lantai sehingga 139 meter persegi	300.00
	(b) luas lantai melebihi 139 meter persegi	1,000.00
32.	Dobi dan cuci kering	150.00
33.	Membuat bata, tembikar atau kapur, genting, arang batu	500.00

<i>Bil</i>	<i>Jenis Lesen</i>	<i>Kadar Bayaran RM</i>
34.	Kilang baja ikan atau baja-baja lain	500.00
35.	Mengilang bekas-bekas dengan jentera	500.00
36.	Gas:	
	(a) mengilang gas mudah terbakar atau loji LPG	500.00
	(b) menjual secara borong, menjual secara runcit atau menyimpan	240.00
37.	Loji pemasangan kereta motor dan jentera	500.00
38.	Mengilang, mengawet atau menyeter tembakau:	
	(a) luas lantai sehingga 139 meter persegi	250.00
	(b) luas lantai di antara 139 meter persegi hingga 278 meter persegi	500.00
	(c) luas lantai melebihi 278 meter persegi	2,500.00
39.	Mengilang dan menyeter keluaran kertas	1,000.00
40.	Cat, selulos atau bahan-bahan kimia lain:	
	(a) mengilang/membuat	1,000.00
	(b) menjual secara borong, runcit atau menyimpan	240.00
41.	Mengilang bateri	1,000.00
42.	Membuat iklan, papan tanda dan papantanda seni	350.00
43.	Mengilang barang-barang kulit	300.00
44.	Peniaga motokar/lori/bas/traktor/forklif:	
	(a) luas lantai sehingga 69 meter persegi	500.00
	(b) luas lantai di antara 69 meter persegi sehingga 139 meter persegi	800.00
	(c) luas lantai melebihi 139 meter persegi	1,000.00

<i>Bil</i>	<i>Jenis Lesen</i>	<i>Kadar Bayaran RM</i>
45.	Peniaga motosikal dan atau motoskuter:	
	(a) luas lantai sehingga 69 meter persegi	250.00
	(b) luas lantai di antara 69 meter persegi sehingga 139 meter persegi	400.00
	(c) luas lantai melebihi 139 meter persegi	
46.	Gaharu, kertas sembahyang atau barang-barang berkaitan:	
	(a) membuat	240.00
	(b) menjual secara borong, menjual secara runcit atau menyimpan	120.00
47.	Mengilang atau membuat semula barang-barang daripada aluminium, tembaga, besi, timah putih, keluli atau logam-logam lain tidak termasuk emas, berlian dan perak:	
	(a) luas lantai sehingga 278 meter persegi	300.00
	(b) luas lantai melebihi 278 meter persegi	600.00
48.	Mengilang barang-barang daripada rotan	300.00
49.	Mengilang/membuat dan menyimpan simen, arang batu, batu atau tanah liat:	
	(a) luas lantai sehingga 1858 meter persegi	300.00
	(b) luas lantai melebihi 1858 meter persegi	1,000.00
50.	Mengilang plastik atau barang-barang daripada bahan-bahan plastik atau lain-lain bahan yang sama:	
	(a) luas lantai sehingga 278 meter persegi	300.00
	(b) luas lantai melebihi 278 meter persegi	500.00
51.	Mengilang ubat gigi, sabun pembersih, alat solek, bedak muka, krim rambut, minyak rambut, syampu:	
	(a) luas lantai sehingga 92 meter persegi	200.00

<i>Bil</i>	<i>Jenis Lesen</i>	<i>Kadar Bayaran RM</i>
	(b) luas lantai di antara 92 meter persegi hingga 278 meter persegi	500.00
	(c) luas lantai melebihi 278 meter persegi	1,000.00
52.	Asid, alkali, pelarut damar, pelekat, baja, racun serangga, racun makhluk perosak atau kimia-kimia lain:	
	(a) membuat	800.00
	(b) menjual secara borong	240.00
	(c) menjual secara runcit	120.00
	(d) menyimpan	120.00
53.	Kedai alat-alat/kelengkapan muzik:	
	(a) luas lantai sehingga 69 meter persegi	300.00
	(b) luas lantai melebihi 69 meter persegi	500.00
54.	Mengilang dadah/ubat dan keluaran-keluaran farmasi	1,000.00
55.	Mengilang keluaran-keluaran getah secara borong	1,000.00
56.	Sekolah-sekolah persendirian, institut, tadika dan lain-lain establisymen pelajaran	200.00
57.	Menjual keluaran getah secara runcit	200.00
58.	Kedai cermin mata:	
	(a) luas lantai sehingga 69 meter persegi	200.00
	(b) luas lantai melebihi 69 meter persegi	300.00
59.	Percetakan:	
	(a) luas lantai sehingga 185 meter persegi	500.00
	(b) luas lantai melebihi 185 meter persegi	1,000.00

<i>Bil</i>	<i>Jenis Lesen</i>	<i>Kadar Bayaran RM</i>
60.	Stesyen Mengisi Petrol	300.00
61.	Stesyen Mengisi Petrol dan Servis	500.00
62.	Kedai binatang kesayangan	120.00
63.	Tempat semaian tumbuhan:	
	(a) luas lantai sehingga 929 meter persegi	300.00
	(b) luas lantai melebihi 929 meter persegi	500.00
64.	Kedai pajak gadai, tukang emas atau batu permata:	
	(a) luas lantai sehingga 46 meter persegi	300.00
	(b) luas lantai di antara 46 meter persegi hingga 139 meter persegi	400.00
	(c) luas lantai melebihi 139 meter persegi	600.00
65.	Memproses apa-apa logam (emas, berlian, permata, perak dan lain-lain):	
	(a) luas lantai sehingga 278 meter persegi	600.00
	(b) luas lantai melebihi 278 meter persegi	1,000.00
66.	Pembersihan logam-logam berharga melalui proses asid	500.00
67.	Stor rotan	200.00
68.	Memperbaiki dan membuat semula atau menjual oven, penyaman udara dan/atau peti sejuk:	
	(a) luas lantai sehingga 139 meter persegi	250.00
	(b) luas lantai di antara 139 meter persegi hingga 278 meter persegi	400.00
	(c) luas lantai melebihi 278 meter persegi	600.00
69.	Dobian wap	150.00

<i>Bil</i>	<i>Jenis Lesen</i>	<i>Kadar Bayaran RM</i>
70.	Menyiat kulit atau mengeluarkan isi perut binatang	200.00
71.	Menyetor atau memproses getah	450.00
72.	Menjual secara runcit atau menyimpan asitilin, oksigen atau gas-gas lain yang serupa melebihi 200 kg.	200.00
73.	Menyetor kelapa kering	150.00
74.	Menyetor, menyimpan atau memperniagakan apa-apa ikan reput atau lain-lain komoditi yang biasa dikenali sebagai ikan jeruk	120.00
75.	Alat-alat ganti kenderaan/alat tambah:	
	(a) luas lantai sehingga 139 meter persegi	200.00
	(b) luas lantai di antara 139 meter persegi hingga 278 meter persegi	400.00
	(c) luas lantai melebihi 278 meter persegi	600.00
76.	Menyetor cat:	
	(a) luas lantai sehingga 139 meter persegi	200.00
	(b) luas lantai di antara 139 meter persegi hingga 278 meter persegi	400.00
	(c) luas lantai melebihi 278 meter persegi	600.00
77.	Kedai alat tulis/kedai buku/kedai menjilid buku:	
	(a) luas lantai sehingga 139 meter persegi	200.00
	(b) luas lantai di antara 139 meter persegi hingga 278 meter persegi	300.00
	(c) luas lantai melebihi 278 meter persegi	400.00
78.	Menjual dan mengecas bateri	200.00

<i>Bil</i>	<i>Jenis Lesen</i>	<i>Kadar Bayaran RM</i>
79.	Kedai menjual barang-barang tembikar, kaca, pinggan mangkuk, aluminium, perak, pewter, plastik dan kulteri:	
	(a) luas lantai sehingga 139 meter persegi	200.00
	(b) luas lantai melebihi 139 meter persegi	300.00
80.	Menyetor dan/atau menjual barang-barang kulit:	
	(a) luas lantai sehingga 139 meter persegi	200.00
	(b) luas lantai melebihi 139 meter persegi	300.00
81.	Menyetor LPG lebih daripada 500 lbs	200.00
82.	Menyetor minyak diesel lebih daripada 500 gelen	250.00
83.	Kedai gambar, kedai menjual alat fotografi dan menyetor filem	200.00
84.	Menjual alat sains/jitu	300.00
85.	Kedai menjual alat solek:	
	(a) luas lantai sehingga 46 meter persegi	160.00
	(b) luas lantai melebihi 46 meter persegi	300.00
86.	Menjual alat pejabat	300.00
87.	Menjual secara runcit, menservis atau menyimpan sisa besi	500.00
88.	Menyetor kalsium karbid:	
	(a) menjual secara runcit	100.00
	(b) menjual secara borong	200.00
89.	Menjual enjin, jentera dan alat:	
	(a) luas lantai sehingga 139 meter persegi	200.00

<i>Bil.</i>	<i>Jenis Lesen</i>	<i>Kadar Bayaran RM</i>
	(b) luas lantai di antara 139 meter persegi hingga 278 meter persegi	400.00
	(c) luas lantai melebihi 278 meter persegi	600.00
90.	Kedai barang-barang sukan:	
	(a) luas lantai sehingga 69 meter persegi	150.00
	(b) luas lantai di antara 69 meter persegi hingga 139 meter persegi	200.00
	(c) luas lantai melebihi 139 meter persegi	300.00
91.	Menjual atau menyewakan rekod, pita, kaset, katrij dan pita video:	
	(a) luas lantai sehingga 69 meter persegi	200.00
	(b) luas lantai di antara 69 meter persegi hingga 139 meter persegi	350.00
	(c) luas lantai melebihi 139 meter persegi	500.00
92.	Kedai sport TOTO	500.00
93.	Macis Api:	
	(a) membuat	240.00
	(b) menjual secara borong, menyimpan 2,000 kotak atau lebih	100.00
94.	Mencair lemak binatang, membuat glu dan lilin	280.00
95.	Kilang Kulit	300.00
96.	Tayar atau tiub:	
	(a) membuat, mencelup atau vulkanis	600.00
	(b) menjual secara runcit dan menyimpan	300.00
97.	Kedai Nombor Tiga Ekor	750.00

<i>Bil</i>	<i>Jenis Lesen</i>	<i>Kadar Bayaran RM</i>
98.	Mencuci sagu atau membuat tepung sagu	100.00
99.	Kerja-kerja kimpal:	
	(a) luas lantai sehingga 278 meter persegi	300.00
	(b) luas lantai melebihi 278 meter persegi	600.00
100.	Kedai jam tangan dan/atau jam:	
	(a) luas lantai sehingga 46 meter persegi	150.00
	(b) luas lantai di antara 46 meter persegi hingga 139 meter persegi	250.00
	(c) luas lantai melebihi 139 meter persegi	400.00
101.	Jika premis adalah sementara dan telah dibina oleh Yang Dipertua atau mana-mana badan berkanun atau dibina oleh mana-mana orang dan diluluskan oleh Yang Dipertua untuk dilesenkan oleh Yang Dipertua untuk dilesenkan khas di bawah butiran ini:	
	(a) luas lantai sehingga 18.5 meter persegi	40.00
	(b) luas lantai melebihi 18.5 meter persegi	80.00
102.	Lesen untuk apa-apa proses lain yang dikira merosak kesihatan atau membahaya kepada nyawa	300.00
103.	Menjual apa-apa barang yang tidak diperuntukkan di bawah undang-undang kecil ini	200.00
104.	Apa-apa tred lain yang tidak diperuntukkan di bawah undang-undang kecil ini	200.00
105.	Lesen untuk apa-apa pengilangan atau perniagaan lain yang darinya terbit bau yang mengganggu atau tidak menyenangkan atau yang menyebabkan bunyi keterlaluan	300.00
106.	Perniagaan runcit dalam premis yang dilesenkan tidak lebih daripada 45 meter persegi	100.00

<i>Bil</i>	<i>Jenis Lesen</i>	<i>Kadar Bayaran RM</i>
107.	Penyimpanan barang-barang oleh syarikat-syarikat pengangkutan	400.00
108.	Kedai menyimpan dan menjual tayar	250.00
109.	Kilang persiapan atau perusahaan air (aerated, carbonated and medicinal and mineral water)	1,000.00
110.	Membuat alat-alat tulis	240.00
111.	Membuat dakwat	240.00
112.	Membuat detergen, bahan pencuci atau bahan-bahan berkaitan	360.00
113.	Membuat pasu, pinggan mangkuk atau periuk belanga	120.00
114.	Membuat payung	120.00
115.	(a) membuat permaidani	360.00
	(b) mencuci permaidani	120.00
116.	Membuat termos flask	360.00
117.	Membuat zip	120.00
118.	Memproses hasil-hasil diesel, petrol atau minyak tanah	60.00
119.	Minyak pelincir atau minyak yang serupa:	
	(a) membuat	480.00
	(b) menyimpan	240.00
120.	Menyimpan diesel, petrol atau minyak tanah	120.00
121.	Menyimpan susu getah	360.00
122.	Membuat ubat nyamuk:	
	(a) dengan mesin	360.00
	(b) tanpa menggunakan mesin	120.00

<i>Bil</i>	<i>Jenis Lesen</i>	<i>Kadar Bayaran RM</i>
123.	Membuat barang-barang daripada aluminium, tembaga, besi, timah putih, keluli atau logam lain	120.00
124.	Membuat atau menyimpan barang-barang daripada emas, tembaga, pewter, loyang atau bahan-bahan lain	240.00
125.	Membuat dawai duri, dawai mata punai atau pagar berantai	240.00
126.	Membuat gabus atau penutup-penutup lain	120.00
127.	Membuat atau menyimpan kabel atau dawai	120.00
128.	Membuat atau menyimpan kontena	240.00
129.	Membuat pam atau penapis	180.00
130.	Kerja-kerja pertukangan (termasuk tukang emas, tukang besi atau tukang tembaga)	120.00
131.	Membuat aloi atau amalgam termasuk campuran logam yang lain	180.00
132.	Barang-barang daripada semen, batu atau tanah liat:	
	(a) (i) dengan mesin	180.00
	(ii) tanpa mesin	120.00
	(b) menyimpan	120.00
133.	Membuat bahan-bahan rumah untuk pembinaan segera	240.00
134.	Membuat barang-barang daripada bahan-bahan kayu balak, rotan, bulu atau bahan-bahan lain yang serupa:	
	(a) dengan mesin	180.00
	(b) tanpa mesin	120.00

<i>Bil</i>	<i>Jenis Lesen</i>	<i>Kadar Bayaran RM</i>
135.	Membuat genting bumbung, genting lantai, batu-batu marmar atau bahan-bahan lain yang serupa	480.00
136.	Membuat batu bata atau tembikar	240.00
137.	Membuat papan lapis	480.00
138.	Kilang memproses kayu	480.00
139.	Simen: (i) mengilang dan membuat	600.00
	(ii) menjual secara borong, runcit atau menyimpan	240.00
140.	Membuat alat-alat perancang keluarga	360.00
141.	Membuat alat-alat permainan kanak-kanak	240.00
142.	Membuat alat-alat dari bahan fibreglass	360.00
143.	Membuat bahan-bahan dari getah	360.00
144.	Membuat bahan-bahan daripada bahan-bahan plastik atau bahan-bahan lain yang serupa	240.00
145.	Membuat beg daripada politen	180.00
146.	Menyimpan atau membilas getah	400.00
147.	Membuat sarung tangan atau topi	240.00
148.	Kerja-kerja menyiat kulit binatang	120.00
149.	Baja: (a) membuat	480.00
	(b) menjual secara borong, runcit atau menyimpan	180.00
150.	Baja binatang atau ikan:	
	(a) memproses	240.00
	(b) menjual secara borong, runcit atau menyimpan	120.00

<i>Bil</i>	<i>Jenis Lesen</i>	<i>Kadar Bayaran RM</i>
151.	Makanan Binatang:	
	(a) membuat	240.00
	(b) menjual secara runcit atau menyimpan	60.00
152.	Kapas atau benang tiruan:	
	(a) mengilang	400.00
	(b) menyimpan	120.00
153.	(a) Kerja-kerja atau menyimpan pabrik pakaian termasuk mengait atau menenun	240.00
	(b) membuat atau menyimpan pakaian atau barang-barang lain dari kain	240.00
154.	Membuat atau menyimpan tali benang, bulu kambing, tali guni atau jerami asli yang lain	240.00
155.	Tempat menetas	240.00
156.	Tempat menternak ayam/itek	240.00
157.	Tempat pemeliharaan burung	180.00
158.	Tempat perternakan ikan, udang atau hasil laut/air tawar yang lain	180.00
159.	Ternakan binatang yang lain	240.00
160.	Mengilang atau memasang alat elektronik atau alat-alat letrik	480.00
161.	Perkhidmatan di rumah awam	120.00
162.	Bateri: (a) membuat	240.00
	(b) menjual secara runcit atau memperbaharui	120.00
163.	Mengilang botol atau tin	240.00

<i>Bil</i>	<i>Jenis Lesen</i>	<i>Kadar Bayaran RM</i>
164.	Bahan api: mercun atau bahan letupan yang lain:	
	(a) membuat	600.00
	(b) menjual secara borong atau runcit	240.00
165.	Ubat: Ubat-ubat farmasi atau ubat-ubat lain:	
	(a) mengilang	480.00
	(b) menjual secara runcit	240.00
166.	(a) Kedai Biliad (perkhidmatan)	500.00
	(b) Pusat Hiburan (perkhidmatan)	240.00
167.	Perjudian (perkhidmatan)	1,000.00
168.	Menjual secara runcit atau menyimpan keranda	120.00
169.	(a) Membuat kusyen atau hiasan perabut (termasuk memberi perkhidmatan)	120.00
	(b) Kerja-kerja jahit-menjahit (melebihi 10 buah mesin)	120.00
170.	Kereta-kereta motor:	
	(a) membina atau memasang	1,000.00
	(b) menjual secara runcit atau menservis:	
	(i) kereta	480.00
	(ii) motosikal	240.00
171.	Menjual kereta-kereta terpakai	400.00
172.	Menyimpan methylated spirit (di dalam tong atau bekas-bekas yang lain)	60.00
173.	Memberi perkhidmatan membekal tongkang bagi pemungghahan barang di kapal	120.00
174.	Memberi perkhidmatan memungghah barang-barang dari kapal	120.00

<i>Bil</i>	<i>Jenis Lesen</i>	<i>Kadar Bayaran RM</i>
175.	Perkhidmatan rumah orang tua (persendirian)	40.00
176.	Stesyen mengisi petrolium:	
	(a) pam pertama	180.00
	(b) setiap pam tambahan	50.00
177.	Perkhidmatan mencuci atau menggreasing kereta	120.00
178.	Pusat penjagaan bayi	60.00
179.	Alat-alat ganti mesin/alat tambah:	
	(a) membuat	240.00
	(b) menjual secara runcit dan menservis	120.00
180.	Kedai perabut	240.00
181.	Pejabat-pejabat	250.00
182.	Kilang besi/keluli:	
	(a) luas lantai sehingga 139 meter persegi	500.00
	(b) luas lantai di antara 139 meter persegi hingga 278 meter persegi	700.00
	(c) luas lantai melebihi 278 meter persegi	1,000.00

Diperbuat pada 12 September 1995.
[MDKM(IP) A. 7/1978 Jld. I.]

HAJI MOHD. PUAT BIN MOHD. ALI,
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Sungai Petani

Disahkan pada 18 Mac 1996.
[PSU(K) 98/1396 SK. 22 Jld. 2/A.]

HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Kedah Darul Aman

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF TRADE, BUSINESS AND INDUSTRIES (SUNGAI PETANI MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 1995

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

By-Laws

1. Citation, application and commencement.
2. Definition.
3. Licence.
4. Application for licences.
5. Forms of licence.
6. Validity of licence.
7. Transfer of licence.
8. Cleanliness.
9. Provisions of refuse-bins.
10. Wet solid refuse.
11. Disposal of refuse.
12. Spilling of offensive matter.
13. Water supply.
14. Water closets and urinals.
15. Lighting.
16. Ventilation.
17. Over-crowding prohibited.
18. Provisions of mess rooms etc.
19. Prevention.
20. Inflammable materials.
21. Storage.
22. Burning.
23. Emission of dust etc.
24. Noise.
25. Time of operation.
26. Power to enter for inspection.
27. Display of licence.
28. Penalty.
29. Compound.

SCHEDULE.

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF TRADE, BUSINESS AND INDUSTRIES (SUNGAI PETANI MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 1995

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976, Sungai Petani Municipal Council makes and pursuant to section 103 of the Local Government Act 1976, the State Authority confirms the following by-laws:

Citation,
application
and commence-
ment.

1. (1) These By-Laws may be cited as the **Licensing of Trades, Business and Industries (Sungai Petani Municipal Council) By-Laws 1995** and shall apply only to the Sungai Petani Municipal Council area.

(2) These By-Laws shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

Definition.

2. In these By-Laws unless the context otherwise requires—

“industry” means any business, trade, undertaking, manufacture or calling of employers and includes any calling, service employment, handicraft or industrial occupation or vocation of employees and includes cottage industries and factories;

“licence” means any licence issued under these By-Laws in respect of any form of trade, business and industry which is of an obnoxious nature or which could be a source of nuisance to the public or a class of the public as specified in the Schedule;

“licensee” means the person to whom a licence is issued under these By-Laws;

“business” includes every form of trade, commerce, craftsmanship, calling, profession or other activity carried on for the purpose of gain;

“premises” includes messuages, houses, buildings, lands tenements and hereditaments of any nature, whether open or enclosed, whether built on or not, whether public or private and whether maintained or not by statutory authority;

“trade” means any commercial activities specified in the Schedule;

“President” means the President of the Sungai Petani Municipal Council and includes the Secretary.

Licence.

3. No person shall use any place or premises, within the Sungai Petani Municipal Council for any trade, business or industry as specified in the Schedule without a licence in that behalf issued by the President and the fees payable shall be as prescribed in the Schedule to these By-Laws:

